

Penyediaan kerja kursus

Archival News | Berita Harian | 30/01/2018 | Author: Oleh Maria Uffa Zulkafeli | A-All

Kuala Lumpur: Penilaian subjek Geografi dan Sejarah bagi calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) adalah seratus peratus berdasarkan kerja kursus pelbagai instrumen.

Penilaian itu membabitkan pemarkahan 90 peratus bagi penulisan kerja kursus dan selebihnya 10 peratus dinilai daripada hasil pembentangan kerja kursus masing-masing.

Oleh itu, bagi mendapatkan markah yang tinggi dalam kerja kursus kedua-dua subjek berkenaan, pelajar bukan sahaja perlu memahami tema atau topik kajian, malah menitikberatkan aspek komunikasi ketika melakukan pembentangan. Bagi subjek Geografi, calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) harus memahami dan meneliti tema soalan bagi menghasilkan laporan tugas pelbagai instrumen dengan baik.

Mereka perlu menguasai sepenuhnya semua skop mata pelajaran Geografi Tingkatan Satu hingga Tiga yang merangkumi kemahiran geografi, geografi fizikal dan geografi manusia.

Guru Panitia Geografi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Puan Zaleha Ismail, berkata kebiasaannya, guru akan menghabiskan semua silibus mata pelajaran Tingkatan Tiga pada awal tahun sehingga Jun, sebelum tajuk tugas dimuat turun.

Perancangan sistematik

Katanya, dalam tempoh enam bulan berkenaan, pelajar harus memanfaatkan masa yang ada untuk menguasai keseluruhan topik supaya benar-benar faham untuk mengaitkan topik tugas dengan skop mata pelajaran mereka.

"Ini kerana apabila menerima tajuk tugas, mereka harus meneliti dan membuat perancangan termasuk menyediakan jadual, pengagihan kerja serta menentukan kaedah kajian yang sesuai supaya tugas berjalan lancar.

"Menerusi perancangan yang sistematik, pelajar harus menjalankan proses awal dengan mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber menggunakan kaedah yang sesuai termasuk menyediakan borang soal selidik, senarai rujukan dan gambar berkaitan sebagai bukti kajian dijalankan," katanya kepada BHMinda, baru-baru ini.

Fokus taklimat

Puan Zaleha berkata, calon perlu fokus sepenuhnya ketika sesi taklimat selepas soalan pelbagai instrumen dimuat turun supaya tidak tersalah tafsir tajuk mengikut kehendak soalan sebelum membuat kajian lapangan.

Katanya, disebabkan guru tidak boleh menjangkakan tajuk yang akan keluar, maka pelajar harus menguasai semua topik bagi melancarkan tugas masing-masing.

"Selain penghasilan tugas yang memperuntukkan 90 markah, pelajar juga harus menguasai kemahiran berkomunikasi supaya dapat membuat pembentangan dengan baik.

"Jika pelajar memanfaatkan bahagian pembentangan, mereka boleh mendapatkan 10 markah yang sangat membantu untuk menambah gred subjek Geografi yang sepenuhnya datang daripada tugas berkenaan," katanya.

(END)

Source By: Berita Harian